

Anis Food tembusi pasaran 7-Eleven

Oleh AQMAR ALLADAD

aqmar.alladad@krono.com.my

SHAH ALAM - Syarikat pengeluar dan pengedari kek coklat jenama Anis Chocolate Melt, Anis Food Sdn. Bhd. (Anis Food), memperluaskan lagi pasarannya dengan menembusi pasaran kedai serbaneka 7-Eleven di Lembah Klang sejak dua bulan lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Anis Food, Junsaidy Abu Bakar berkata, sebanyak 6,000 bekas kek coklat telah dijual pada bulan pertama ia ditawarkan di pasaran baharu itu.

"Setakat ini, kek coklat keluaran syarikat kami sudah berada di 500 cawangan 7-Eleven di Lembah Klang dan dijangka diperluaskan ke Johor Bahru, Johor, Kuantan, Pahang dan Kota Kinabalu, Sabah pada tahun ini.

"Ini merupakan usaha kami untuk meletakkan produk ha-



HASAN (kiri) memperkatakan sesuatu kepada Junsaidy mengenai produk Anis Food selepas majlis pelancaran aplikasi Anis Choc di Shah Alam semalam.

lai, tempatan dan bumi putera di pasaran lebih luas serta berdaya saing," katanya pada sidang akhbar sempena perluasan perniagaan itu di sini semalam.

Turut hadir inilah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,

Datuk Seri Hasan Malek.

Junsaidy berkata, Anis Food mengunjurkan jualan sebanyak RM15 juta pada tahun ini, berbanding RM10 juta pada tahun lepas, bersandarkan pengembangan perniagaan ke luar negara dan pembukaan kilang baharu.

Syarikat tersebut kini memiliki empat buah kilang yang diktiraf Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) serta piawaian Titik Kawalan Kritis dan Analisis Berbahaya (HACCP) di Seksyen 13 dan Bukit Jelutong di sini, selain di Sabah serta Indonesia.

"Kilang baharu yang melanjutkan kos RM5 juta itu akan membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran sehingga 50,000 bekas sehari berbanding 15,000 bekas sebelum ini."

"Pasaran yang semakin berkembang memerlukan karni mempunyai kilang yang lebih besar supaya dapat memenuhi permintaan," jelasnya.

Terdahulu, Hasan turut melancarkan aplikasi mudah alih, Anis Choc, untuk memudahkan pembeli mencari lokasi jualan, promosi dan maklumat mengenai produk Anis Food.